

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
ENTREPRENEURSHIP AND
MANAGEMENT PRACTICES
(IJEMP)**www.ijemp.com**HUBUNGKAIT DIANTARA KEPIMPINAN, PEMBANGUNAN
EKONOMI DAN KEHARMONIAN SOSIAL: KAJIAN KES DI
SABAH, MALAYSIA*****THE RELATIONSHIP BETWEEN LEADERSHIP, ECONOMIC DEVELOPMENT
AND SOCIAL HARMONY: A CASE STUDY IN SABAH, MALAYSIA***

Saidatul Badru Mohd. Said^{1*}, Ismail Ali^{2*}, Mohd Sohaimi Esa^{3*}, Saifulazry Mokhtar^{4*}, Romzi Ationg^{5*}

¹ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: badrusaid@yahoo.com

² Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: hismailrc@ums.edu.my

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: msahaimi@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

⁵ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: mratiiong@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 20.03.2023

Revised date: 15.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 06.06.2023

To cite this document:

Said, S. B. M., Ali, I., Esa, M. S., Mokhtar, S., & Ationg, R. (2023). Hubungkait Diantara Kepimpinan, Pembangunan Ekonomi Dan Keharmonian Sosial: Kajian Kes Di Sabah, Malaysia. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 6 (21), 141-152.

Abstract:

Kepimpinan biasanya dikaitkan dengan aspek pembangunan ekonomi dan keharmonian sosial. Bagi memahami perkaitan signifikan diantara kepimpinan, pembangunan ekonomi dan keharmonian sosial ini maka satu kajian kes telah dijalankan di negeri Sabah, Malaysia. Bagi maksud tersebut pendekatan mixed method telah digunapakai bagi membolehkan data kualitatif diperolehi melalui rujukan sumber sekunder dan temubual dengan responden terpilih serta data kuantitatif dapat dikumpul menggunakan satu set borang soal selidik yang dibentuk oleh penyelidik. Seramai 8 orang responden dipilih bagi sesi temubual untuk mendapatkan data kualitatif dan seramai 100 orang responden terpilih untuk memberikan maklumbalas menggunakan borang soal selidik yang dimaksudkan menggunakan kaedah persampelan bertujuan (purposive sampling). Berdasarkan analisis data kualitatif dan kuantitatif yang diperolehi ini adalah didapati bahawa sememangnya wujud perkaitan signifikan diantara kepimpinan, pembangunan ekonomi dan keharmonian sosial di Sabah, Malaysia. Menyedari hakikat ini adalah diharapkan pihak berwajib dapat merangka dan

DOI: 10.35631/IJEMP.621012

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)

seterusnya melaksanakan pelbagai usaha bagi memperkukuhkan daya kepimpinan dalam kalangan pemimpin pelbagai peringkat di Sabah, Malaysia mahupun di tempat lain untuk memastikan pembangunan ekonomi dan keharmonian sosial dapat terus diperkasa serta dilestarikan.

Kata Kunci:

Keharmonian Sosial, Kepimpinan, Malaysia, Pembangunan Ekonomi, Sabah

Abstract:

Leadership generally associated with aspects of economic development and social harmony. To understand the significant relationship between leadership, economic development and social harmony, a case study was conducted in the state of Sabah, Malaysia. For that purpose, a mixed method approach has been used to enable qualitative data to be obtained from secondary sources and interviews with selected respondents and quantitative data be collected using a set of questionnaires designed by the researcher. A total of 8 respondents were selected for an interview session to obtain qualitative data and a total of 100 respondents were selected to provide feedback using a questionnaire, and they were chosen using purposive sampling method. Based on the analysis of the qualitative and quantitative data obtained, the study found that there is indeed a significant relationship between leadership, economic development and social harmony in Sabah, Malaysia. Accordingly, it is hoped that the authorities can formulate and then implement various efforts to strengthen leadership among leaders at various levels in Sabah, Malaysia and elsewhere to ensure that economic development and social harmony be strengthened and preserved.

Keywords:

Social Harmony, Leadership, Malaysia, Economic Development, Sabah

Pengenalan

Para sarjana terdahulu seperti Suradinata (1995) cenderung mentakrifkan konsep pemimpin sebagai orang yang memimpin kelompok yang terdiri daripada dua orang atau lebih untuk kebaikan mahupun kebajikan suatu organisasi ataupun kumpulan tertentu. Manakala konsep kepimpinan pula acap kali diterjemahkan sebagai kemampuan seseorang pemimpin untuk mengendalikan, memimpin serta mempengaruhi fikiran, perasaan atau tingkahlaku orang lain bagi melaksanakan sesuatu tugas atau peranan tertentu untuk mencapai tujuan yang telah ditentukan bagi kepentingan organisasi mahupun kumpulan tertentu sejak awal (Cahyo, 2021). Sebagai tambahan, kepimpinan menurut persepektif Islam pula ditafsirkan sebagai sesuatu amanah yang wajib dilaksanakan sebaik mungkin oleh pemimpin. Maka dengan itu, perspektif Islam menegaskan bahawa seseorang pemimpin haruslah bertanggungjawab dalam mengurus, mentadbir dan menjaga apa sahaja yang diamanahkan kepadanya dan ini turut melibatkan peranan mereka untuk memastikan diri mereka sendiri terhindar daripada melakukan perbuatan mungkar serta menunaikan kewajipan syarak dan tugas-tugas yang dipikul dengan cemerlang dan adil (Buletin Q, 2009).

Berdasarkan pernyataan tersebut maka adalah jelas bahawa pemimpin dan kepimpinan amat penting berikutan peranan yang dimainkan dalam proses menentukan hala tuju dan jatuh bangunnya suatu masyarakat mahupun sebuah negara. Secara khusus, aspek kepimpinan itu sendiri perlu difahami sebagai suatu aspek kehidupan manusia yang amat penting kerana individu yang memegang jawatan sebagai pemimpin harus bertanggungjawab dan memahami dengan jelas tentang kaedah untuk mengawal, mengurus, merancang, mentadbir dan yang paling signifikan ialah bijak dalam membuat sesuatu keputusan. Dalam hal ini presiden Amerika Syarikat yang ke-28 (1913–1921), Thomas Woodrow Wilson pernah berkata, *“Kamu tidak berada di sini untuk mencari keuntungan, sebaliknya berada di sini untuk membolehkan dunia hidup dengan lebih makmur, dengan visi yang lebih besar dan semangat, harapan dan pencapaian yang lebih baik. Anda berada di sini untuk memperkayakan dunia dan anda memiskinkan diri sendiri jika anda melupakan tugas itu”* (Borham, 2020, Disember 24). Menyedari peranan beliau ini maka perlu ditegaskan bahawa adalah amat penting adanya pemimpin dengan ciri kepimpinan yang baik dalam mana-mana organisasi mahupun masyarakat bagi memastikan pemertabatan dan pelestarian kesejahteraan serta keharmonian sosial. Malahan apa yang paling perlu ditekankan ialah hakikat bahawa peranan signifikan pemimpin dengan ciri kepimpinan yang baik terhadap aspek pembangunan ekonomi dan keharmonian sosial apabila telah menjadi kebiasaan dimana kecemerlangan memartabatkan nilai teras dan pencapaian hala tuju pembangunan ekonomi dan keharmonian sosial sesebuah masyarakat mahupun negara bergantung kuat terhadap keupayaan seseorang pemimpin menjalankan peranan dengan saksama dalam pengagihan sumber yang ada. Justeru, kertas kerja ini dikemukakan dengan berpaksikan pandangan bahawa kepimpinan memainkan peranan yang amat signifikan dalam pertumbuhan ekonomi yang mampan serta keharmonian sosial yang utuh kerana ianya melibatkan penyediaan peluang untuk pertumbuhan dan pembangunan progresif secara adil dan saksama (Tobias, n.d). Bagi memberikan penjelasan lanjut berkenaan dakwaan ini maka perbincangan seterusnya menumpukan kepada perbincangan tentang kepentingan kepimpinan dalam pembangunan ekonomi serta keharmonian sosial sesebuah masyarakat mahupun sesebuah negara dalam era moden ini berdasarkan kajian kes di Sabah, Malaysia.

Pernyataan Masalah

Pembangunan ekonomi dan keharmonian sosial umumnya dimanifestasikan dalam peningkatan dan penambahbaikan kehidupan rakyat sesebuah negara melalui peruntukan bekalan air mudah alih, penurunan kadar kemiskinan, penurunan kadar pengangguran, peningkatan kadar celik huruf tinggi, sistem pendidikan berkualiti tinggi, penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan yang canggih dan lengkap, serta hubungan antara penduduk yang amat memberangsangkan. Bagi tujuan mencapai aspirasi seumpama ini maka negara-negara maju seperti Australia, Amerika Syarikat, Jerman, Britain, Belanda dan Norway serta negara membangun seperti Malaysia dan Indonesia berusaha memastikan pembangunan ekonomi dan keharmonian sosial dapat dilaksanakan melalui pemimpin mereka, dengan berkesan dan berhemat dalam menguruskan sumber yang ada untuk mengurangkan penderitaan dan kesakitan orang biasa dalam masyarakat. Malaysia, secara amnya dan Sabah sebagai sebuah wilayah dalam Malaysia secara khususnya adalah sebuah wilayah yang kaya dengan sumber manusia dan semula jadi. Iklim di Sabah ini memberi ruang secukupnya kepada pelaksanaan pelbagai aktiviti berkaitan pembangunan ekonomi. Namun, dalam masa yang sama, ciri kependudukan di wilayah Sabah juga mendatangkan cabaran dalam aspek pengendalian keharmonian sosial. Sehubungan itu, para sarjana tempatan mahupun luar negara seringkali beranggapan bahawa bagi memastikan aspirasi pembangunan ekonomi dan keharmonian sosial yang berkekalan di Sabah maka para pemimpinlah yang sewajarnya

dipertanggungjawabkan. Berdasarkan pendapat dan pemahaman seumpama ini maka dapatlah digambarkan bahawa kepimpinan biasanya dikaitkan dengan aspek pembangunan ekonomi dan keharmonian sosial. Bagi memahami perkaitan signifikan diantara kepimpinan, pembangunan ekonomi dan keharmonian sosial ini maka satu kajian kes telah dijalankan di negeri Sabah, Malaysia.

Kerangka Teori dan Metodologi

Teori ialah satu set pernyataan atau prinsip yang direka untuk menerangkan sekumpulan fakta atau fenomena, terutamanya yang telah diuji berulang kali atau diterima secara meluas dan boleh digunakan untuk membuat ramalan tentang fenomena alam (Nain & Yusoff, (2003). Selaras dengan pandangan ini maka pendekatan fungsional terhadap kepimpinan digunapakai dalam kajian kes ini. Ini kerana pendekatan ini memberi tumpuan kepada fungsi kepimpinan dan bukannya keperibadian pemimpin. Teori tentang fungsi kepimpinan muncul bermula pada akhir 1940-an dan awal 1950-an apabila para pengkaji pada ketika itu mula mempersoalkan kerelevanan pendekatan sifat dan gaya kepimpinan dalam kajian berkaitan kepimpinan moden. Pendekatan fungsional kepimpinan justeru membincangkan tentang bagaimana tingkah laku pemimpin mempengaruhi, dan dipengaruhi oleh para pengikut mereka. Ini bermakna, pendekatan ini juga memberi tumpuan kepada sifat kumpulan, pengikut atau orang bawahan seseorang pemimpin (Mullins, 2005). Dalam pada itu, pendekatan ini menegaskan bahawa pemimpin harus menunjukkan tingkah laku (dedikasi, patriotisme, komitmen, tinggi standard moral) yang mampu mempengaruhi pengikut mereka supaya meyakini visi strategik yang dirangka untuk tujuan perubahan, menerima keputusan pengurusan serta memberi inspirasi kepada mereka untuk melaksanakan pelbagai program dan dasar pembangunan ekonomi mahupun sosial. Selain itu, pendekatan ini juga menegaskan bahawa tanggungjawab utama setiap pemimpin ialah menyalurkan semua sumber ke-arah pelbagai fungsi yang akan membawa kepada transformasi kedua hal yang dimaksudkan iaitu ekonomi dan sosial. Menyedari hakikat ini maka kajian kes ini dijalankan berasaskan pemahaman tentang pendekatan fungsi kepimpinan yang dimaksudkan.

Selaras dengan penggunaan teori fungsionalisme kepimpinan ini maka maklumat atau data kajian sewajarnya lebih bersifat menyeluruh memandangkan hubungkait kepimpinan, pembangunan ekonomi dan keharmonian sosial memerlukan pembuktian menggunakan data atau maklumat sedemikian. Dalam pada itu, kajian kes ini adalah kajian yang menggunakan pendekatan campuran (*mixed method*). Pendekatan campuran merujuk kepada penggunaan kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi tujuan menerokai hubungkait diantara kepimpinan dan pembangunan ekonomi serta keharmonian sosial di Sabah, Malaysia. Secara amnya, kaedah mixed method ini ditafsirkan oleh Doyle dan Lain-Lain (2009), McKim (2017) serta Ahmad Tarmizi dan Lain-Lain (2017) sebagai satu pendekatan penyelidikan di mana penyelidik mengumpul dan menganalisis data kuantitatif dan kualitatif dalam kajian yang sama. Sehubungan itu, bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan, selain mengadakan temubual bersama 8 orang informan (lihat Jadual 1) dan rujukan bahan sekunder seperti buku, jurnal, laporan rasmi serta kenyataan akhbar, borang soal selidik juga telah diedarkan kepada sejumlah 100 responden (lihat Jadual 2) di sekitar daerah Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia yang dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Kaedah persampelena ini merujuk kepada penentuan atau pemilihan responden kajian berikutan populasi yang dikaji mempunyai ciri-ciri yang seragam iaitu sebagai warganegara Malaysia di Sabah. Dalam erti kata yang lain, persampelan rawak mudah adalah suatu proses pemilihan responden yang mewakili populasi yang dianggap bersesuaian (Mohammad Najib, 1999; Ames & Lain-Lain, 2019). Data kualitatif kajian ini yang diperolehi melalui temubual bersama informan dan sumber sekunder

dianalisis secara tematik. Manakala data yang diperolehi melalui borang soal selidik pula dianalisis menggunakan perisian analisis kuantitatif iaitu SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*).

Jadual 1: Taburan Responden Kajian Bagi Tujuan Mendapatkan Data Kualitatif

Kategori Responden	Jantina	Bilangan (Orang)	Peratus (%)	Jumlah (Orang)
Bumiputra	Lelaki	2	25.0	4
	Perempuan	2	25.0	
Bukan Bumiputra	Lelaki	2	25.0	4
	Perempuan	2	25.0	
Jumlah Keseluruhan			100.0	8

Jadual 2: Taburan Responden Kajian Bagi Tujuan Mendapatkan Data Kuantitatif

Kategori Responden	Jantina	Bilangan (Orang)	Peratus (%)	Jumlah (Orang)
Bumiputra	Lelaki	25	25.0	50
	Perempuan	25	25.0	
Bukan Bumiputra	Lelaki	25	25.0	50
	Perempuan	25	25.0	
Jumlah Keseluruhan			100.0	100

Dapatan Kajian

Selaras dengan taburan responden dan informan kajian yang ditunjukkan dalam Jadual 1 dan Jadual 2, kajian ini secara amanya mendapati wujud hubungkait yang signifikan diantara kepimpinan, pembangunan ekonomi dan keharmonian sosial. Jadual 3 menunjukkan apabila pembolehubah bebas (kepimpinan) dan bersandar (pembangunan ekonomi dan keharmonian sosial) diuji menggunakan korelasi *Pearson Product Moment* maka nilai r adalah melebihi 0.300. Nilai tersebut merujuk kepada nilai yang boleh diterima untuk hubungan kukuh antara dua faktor/pembolehubah. Sehubungan itu, hubungan diantara kepimpinan, pembangunan ekonomi dan keharmonian sosial disifatkan sebagai signifikan. Bagi memahami hal ini dengan lebih lanjut maka perbincangan seterusnya menumpukan kepada kepentingan kepimpinan dalam arus pembangunan ekonomi di Sabah dan kepentingan kepimpinan dalam proses pengukuhan keharmonian sosial di Sabah.

Jadual 3: Korelasi diantara Kepimpinan, Pembangunan Ekonomi dan Keharmonian Sosial

Pembolehubah	Kepimpinan		Korelasi (r)
	Min	SD	
Pembangunan Ekonomi	21	12.7	332*
Keharmonian Sosial	19	13.1	391*

* Kajian menetapkan bahawa nilai r melebihi 0.300 sebagai nilai yang boleh diterima untuk hubungan kukuh antara dua faktor/pembolehubah. Sehubungan itu, hubungan diantara kepimpinan, pembangunan ekonomi dan keharmonian sosial disifatkan sebagai signifikan apabila nilai r melebihi 0.300.

Kepentingan Kepimpinan dalam Arus Pembangunan Ekonomi di Sabah

Secara deskriptif, didapati bahawa majoriti responden berpendapat bahawa kepimpinan sememangnya amat penting dalam arus pembangunan ekonomi di Sabah. Jadual 4 menunjukkan bahawa tiada responden (0.0%) yang sangat tidak setuju mahupun tidak setuju bahawa kepimpinan dapat memastikan ketelusan dan kejayaan strategi pembangunan ekonomi di Sabah. Sebaliknya seramai 76 orang (76.0%) bersetuju dan 14 orang (14.0%) sangat setuju bahawa kepimpinan dapat memastikan ketelusan dan kejayaan strategi pembangunan ekonomi di Sabah. Malahan dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tiada (0.0%) responden yang sangat tidak setuju dan tidak setuju dengan hakikat kepimpinan dapat membantu produktiviti dan mencapai matlamat pembangunan ekonomi rakyat. Tetapi seramai 51 orang (51.0%) bersetuju dan 49 orang (49.0%) sangat setuju bahawa kepimpinan dapat membantu produktiviti dan mencapai matlamat pembangunan ekonomi rakyat di Sabah. Jadual 4 turut menunjukkan bahawa tiada responden (0.0%) yang sangat tidak setuju dan tidak setuju dengan hakikat bahawa kepimpinan membantu penyebaran maklumat inovasi dan meningkatkan pengetahuan rakyat berkenaan pembangunan ekonomi. Sebaliknya, seramai 90 orang (90.0%) bersetuju dan 10 orang (10.0%) sangat setuju bahawa kepimpinan membantu penyebaran maklumat inovasi dan meningkatkan pengetahuan rakyat berkenaan pembangunan ekonomi di Sabah

Jadual 4: Persepsi Responden terhadap Kepentingan Kepimpinan dalam Pembangunan Ekonomi

Pernyataan	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
	<i>n</i>	%	<i>n</i>	%	<i>n</i>	%	<i>n</i>	%
Kepimpinan dapat memastikan ketelusan dan kejayaan strategi pembangunan ekonomi	0	0.0	0	0.0	76	76.0	14	14.0
Kepimpinan membantu produktiviti dan mencapai matlamat pembangunan ekonomi rakyat	0	0.0	0	0.0	51	51.0	49	49.0
Kepimpinan membantu penyebaran maklumat inovasi dan meningkatkan pengetahuan rakyat berkenaan pembangunan ekonomi	0	0.0	0	0.0	90	90.0	10	10.0

Informan kajian ini mengakui hal ini apabila majoriti daripada mereka mengatakan “*kepemimpinan memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan kualiti dan kecemerlangan usaha menjayakan program pembangunan ekonomi*”. Dalam hal ini kepemimpinan yang berintegriti perlu mempunyai iltizam, berwawasan, menetapkan sasaran yang jelas, berpegang pada prinsip bersih, cekap dan amanah, menunjukkan teladan yang baik dan berhemah (Mumtaz & Lain-Lain, 2010). Borham (2020, Disember 24), justeru menegaskan bahawa era perubahan yang semakin pesat dan tidak menentu mendesak urustadbir suatu program pembangunan ekonomi dipimpin oleh pemimpin yang memiliki ciri-ciri kepemimpinan yang sewajarnya atau bersesuaian. Hal ini kerana pemimpin yang melakukan perubahan akan berhadapan dengan pelbagai cabaran, terdedah kepada persaingan dan konflik serta mewujudkan ketidakselesaian. Malahan kepimpinan yang profesional mampu memupuk motivasi pengikut menyumbang dalam usaha menjayakan suatu program pembangunan. Sebagaimana menurut informan kajian ini, “*pemimpin perlu memainkan*

peranan dalam membentuk persekitaran atau program pembangunan ekonomi yang dinamik dan bersesuaian”. Hal ini demikian kerana kepimpinan mampu menjadi faktor yang akan menentukan tingkah laku serta perwatakan individu dalam pimpinannya. Komitmen dan tanggungjawab seorang pemimpin menjadi tunjang mahupun kekuatan suatu usaha berkaitan penambahbaikan ekonomi masyarakat (Faturahman, 2018).

Informan kajian ini juga mengakui bahawa sememangnya kepimpinan amat membantu dalam aspek peningkatan produktiviti yang mana hal ini semestinya berguna untuk mencapai matlamat pembangunan ekonomi rakyat secara amnya. Menurut informan yang ditemubual, *“antara salah satu kepentingan kepimpinan dalam pembangunan ekonomi ialah dapat meningkatkan produktiviti dan mencapai matlamat yang dimpikan bersama”*. Hal ini dikatakan demikian kerana sikap seorang pemimpin yang mempunyai wawasan jelas memiliki kemampuan berfikir dalam pelbagai pendekatan bagi mencari alternatif untuk meningkatkan produktiviti para pengikutnya serta meningkatkan pertumbuhan ekonomi setempat agar lebih maju dan mampan. Tambahan pula, informan turut mengakui bahawa, *“melalui peranan signifikan seorang pemimpin maka peningkatan produktiviti pengeluaran pelbagai jenis perusahaan dapat dilaksanakan apabila wujudnya usaha berterusan bagi memastikan para pengikut menyumbang kepada pencapaian cemerlang matlamat peningkatan taraf ekonomi masing-masing*. Menurut informan kajian ini, *“sebagai contohnya, YAB Perdana Menteri telah mempengerusikan Majlis Produktiviti Negara (MPN) yang bertujuan sebagai peneraju rencana produktiviti negara di peringkat tertinggi. Tambahan pula, Majlis Produktiviti Negara telah merangka dasar dan mengkaji semula serta penyelarasan dalam kalangan kementerian dan agensi, dan memperkukuhkan kerjasama untuk memastikan keselarasan dasar lebih teratur”*.

Ini bermakna pemimpin yang bertanggungjawab dapat membina daya usaha yang berkesan dan cekap. Hal ini dikatakan demikian kerana daya usaha yang berkesan dan cekap dapat menyediakan sistem kerja yang mampu diperlukan dalam proses pencapaian matlamat yang telah ditetapkan. Hal ini tidak terhad dengan hal ini sahaja apabila pemimpin dapat memudahkan penduduk setempat atau pengikut mereka untuk menerima arahan selaras dengan matlamat pembangunan ekonomi setempat yang hendak dicapai (Prokopenko, 1987; Romzi, 2001). Tambahan pula, cara kerja yang bagus dan bermutu tinggi juga termasuk dalam sistem pengurusan pembangunan dengan memperkenalkan teknologi baru dan moden dalam proses mempercepatkan dan melancarkan lagi pengurusan pembangunan ekonomi (Nur Sabrina, 2014). Oleh itu, adalah jelas bahawa peranan pemimpin adalah amat signifikan dalam proses pembangunan ekonomi di Sabah, Malaysia.

Menyedari hakikat ini informan kajian juga turut mengakui bahawa kepimpinan sangat membantu penyebaran maklumat inovasi dan meningkatkan pengetahuan rakyat berkenaan pembangunan ekonomi. Ini adalah selaras dengan kenyataan Zaini (2010) apabila beliau berkata kepentingan kepimpinan dalam sektor ekonomi adalah membantu penyebaran inovasi dan meningkatkan pengetahuan pekerja. Justeru itu, tidaklah menghairankan apabila informan kajian ini menegaskan bahawa, *“sememangnya kepimpinan sangatlah penting dalam proses pembangunan ekonomi setempat”*. Oleh itu, seorang pemimpin perlulah bijak dan mengambil berat tentang usaha atau program pembangunan yang hendak dilaksanakan dengan mementingkan keuntungan peribadi semata-mata. Dalam konteks pembangunan ekonomi isu berkaitan kualiti mahupun kejayaan program pembangunan yang dilaksanakan sangatlah perlu dititikberatkan agar menjamin kejayaan yang cemerlang. Setiap pemimpin harus berusaha lebih gigih melalui peningkatan daya saing antara satu sama lain agar menjadi yang terbaik.

Melalui Tindakan seperti ini maka pemimpin yang bertanggungjawab dapat memastikan kelompok mahupun kawasan yang mereka pimpin tidak ketinggalan dalam arus pembangunan ekonomi. Maka dengan itu, menurut Hirst dan Thompson (1996) seorang pemimpin perlulah merencana dan melaksanakan perubahan tertentu di kawasan masing-masing. Ini bagi membolehkan mereka dapat menjayakan usaha transformasi ekonomi dengan baik melalui pembudayaan daya inovasi dalam kalangan masyarakat setempat.

Kelebihan yang ada pada diri seorang pemimpin jelas menunjukkan bahawa seorang pemimpin itu bertanggungjawab dalam penyebaran inovasi kepada pekerja. Menurut Sufean (2007), inovasi ialah satu pembaharuan, modifikasi atau memperbaiki idea, benda, ilmu dan ciptaan seni tamadun dengan tujuan memenuhi fungsi-fungsi tertentu atau memenuhi citarasa dan pasaran tertentu. Namun, untuk memastikan pembudayaan daya inovasi dalam suatu masyarakat itu berjaya, pemimpin perlulah merangsang inovasi itu melalui penyediaan kemudahan yang membantu penduduk setempat. Sebagaimana menurut informan kajian ini, “antara contoh rangsangan yang boleh diketengahkan ialah melalui aplikasi Teknologi Komunikasi dan Informasi (ICT) apabila ianya dapat mengubah cara kerja penduduk setempat dan sekaligus dapat menjimatkan masa mereka. Ini akan menggalakkan berlakunya inovasi dalam suatu masyarakat supaya pembangunan ekonomi yang lebih cemerlang dapat dilaksanakan”. Justeru, berdasarkan pandangan seumpama ini maka adalah ditegaskan bahawa peranan pemimpin dalam penyebaran inovasi sangatlah penting agar dapat memajukan sektor ekonomi setempat, khususnya di Sabah, Malaysia dengan baik.

Kepentingan Kepimpinan dalam Proses Pengukuhan Keharmonian Sosial di Sabah

Kajian ini turut mendapati bahawa majoriti responden berpendapat bahawa peranan pemimpin sememangnya amat signifikan dalam proses pengukuhan keharmonian sosial di Sabah. Hal ini demikian kerana Jadual 5 menunjukkan bahawa tiada responden (0.0%) yang sangat tidak setuju mahupun tidak setuju bahawa pemimpin membantu mengukuhkan keharmonian sosial apabila mereka mampu menjamin keselamatan masyarakat setempat. Sebaliknya seramai 83 orang (83.0%) bersetuju dan 17 orang (17.0%) sangat setuju bahawa Pemimpin membantu mengukuhkan keharmonian sosial apabila mereka mampu menjamin keselamatan masyarakat setempat di Sabah, Malaysia. Malahan dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tiada (0.0%) responden yang sangat tidak setuju dan tidak setuju dengan hakikat pemimpin sebagai pemangkin perpaduan setempat di Sabah, Malaysia. Sebaliknya, seramai 1 orang (1.0%) bersetuju dan 99 orang (99.0%) sangat setuju bahawa pemimpin sebagai pemangkin perpaduan setempat di Sabah, Malaysia. Kajian turut mendapati bahawa tiada responden (0.0%) yang sangat tidak setuju dan tidak setuju dengan hakikat bahawa pemimpin membantu meningkatkan nilai murni dan nilai integriti dalam diri masyarakat sebagai intipati pengukuhan keharmonian sosial di Sabah, Malaysia. Tetapi, seramai 75 orang (75.0%) bersetuju dan 25 orang (25.0%) sangat setuju bahawa pemimpin membantu meningkatkan nilai murni dan nilai integriti dalam diri masyarakat sebagai intipati pengukuhan keharmonian sosial di Sabah, Malaysia.

Jadual 5: Persepsi Responden terhadap Kepentingan Kepimpinan dalam Proses Pengukuhan Keharmonian Sosial di Sabah

Pernyataan	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
	n	%	n	%	n	%	n	%
Pemimpin membantu mengukuhkan keharmonian sosial apabila mereka mampu menjamin keselamatan masyarakat setempat	0	0.0	0	0.0	83	83.0	17	17.0
Pemimpin merupakan pemangkin perpaduan setempat	0	0.0	0	0.0	1	1.0	99	99.0
Pemimpin membantu meningkatkan nilai murni dan nilai integriti dalam diri masyarakat	0	0.0	0	0.0	75	75.0	25	25.0

Bagi menyokong dapatan ini, informan kajian menegaskan bahawa “*keselamatan rakyat amatlah penting dalam membuktikan kepentingan kepimpinan dan pemimpin di Sabah memainkan peranan aktif membantu mengukuhkan keharmonian sosial melalui hal ini*”. Ini bermakna para pemimpin yang baik sewajarnya sentiasa berusaha menjamin keselamatan rakyatnya bagi memastikan keharmonian sosial sentiasa diperkukuhkan. Malahan, informan lain bagi kajian ini turut menegaskan bahawa, “*pemimpin di Sabah sentiasa berusaha mengurangkan kes jenayah sosial bagi tujuan menjamin keharmonian sosial rakyat*”. Tidak dapat dinafikan bahawa kes jenayah semakin meningkat saban hari dan sukar untuk ditangani. Terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada peningkatan kes jenayah pada masa kini seperti masalah kewangan, rumah setinggian dan sebagainya. Pembunuhan, pencurian, penculikan, pecah rumah, dan rompakan merupakan antara kes jenayah yang sering dilaporkan turut berlaku di Sabah, khususnya di kawasan Pantai Timur seperti Sandakan dan Lahad Datu. Kes sebegini ini amat membimbangkan pelbagai lapisan masyarakat kerana mereka mahukan kehidupan yang aman dan damai. Justeru, peranan pemimpin amat penting bagi memastikan jenayah dapat dikurangkan dari masa ke semasa di Sabah. Bagi maksud tersebut, para pemimpin perlu memastikan undang-undang yang sedia ada kekal relevan dan dikuatkuasakan demi membasmi masalah jenayah. Oleh yang demikian, sekali lagi perlu ditegaskan bahawa peranan pemimpin dalam membantu mengukuhkan keharmonian sosial melalui usaha menjamin keselamatan masyarakat setempat di Sabah adalah amat signifikan.

Informan kajian ini juga berpendapat bahawa perlu diakui pemimpin merupakan pemangkin perpaduan setempat. Salah seorang daripada informan kajian ini berkata, “*antara kepentingan kepimpinan dalam keharmonian sosial adalah kepimpinan yang baik dapat memupuk perpaduan masyarakat setempat di Sabah. Hal ini demikian kerana sifat dan jati diri pemimpin mempengaruhi mereka yang beliau pimpin. berada dibawah pimpinan pemimpin tersebut. Di Sabah, sebagai wilayah yang dihuni oleh pelbagai kaum, seseorang pemimpin menunjukkan sifat adil dan saksama dalam memimpin masyarakat yang mempunyai kepelbagaian kaum, persengketaan antara kaum dapat dielakkan kerana masalah ketidakpuasan hati antara satu dengan yang lain tidak wujud*”. Informan lain bagi kajian ini turut menegaskan bahawa, “*situasi lain yang dapat membuktikan pentingnya peranan pemimpin dalam usaha memupuk keharmonian sosial adalah apabila seseorang pemimpin dapat mempengaruhi serta membentuk pemikiran saling sayang-menyayangi antara satu dengan yang lain dalam kalangan penduduk*”.

setempat di Sabah". Ini terbukti apabila dalam setiap majlis, terdapat kecenderungan dalam kalangan pemimpin di Sabah menekankan tentang pentingnya saling hormat-menghormati dan sayang-menyayangi antara satu dengan yang lain. Malahan para pemimpin tempatan juga sering berusaha memastikan tidak wujud rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk setempat bagi memperkukuhkan keharmonian sosial di Sabah.

Hal ini turut dibuktikan apabila informan kajian ini menegaskan bahawa, "*para pemimpin di Sabah sering menekankan kepentingan memperkukuhkan keharmonian sosial melalui usaha memupuk nilai murni dan integriti dalam diri masyarakat setempat di Sabah*". Ini jelas menunjukkan bahawa pemimpin di Sabah seringkali berusaha membantu meningkatkan nilai murni dan nilai integriti dalam diri masyarakat bagi tujuan memastikan keharmonian sosial dapat diperkukuhkan. Menurut Nor Salmi dan Lim Hooi Lian (2012), nilai murni dan integriti dapat ditarikrifkan sebagai pengetahuan, kesedaran, penghayatan dan pegangan teguh kepada nilai-nilai baik dalam kehidupan manusia secara konsisten yang disertai komitmen sepenuhnya terhadap nilai-nilai tersebut dalam setiap perkataan dan perbuatan untuk mengapai kecemerlangan diri dan masyarakat. Nilai murni dan integriti amat penting dalam diri individu agar mereka boleh meningkatkan mutu dan kemajuan masyarakat dan negara. Dalam pada itu, kepimpinan yang disaluti nilai murni dan integriti yang tinggi mempunyai kemampuan untuk menyediakan dan meningkatkan kualiti modal insan kelas pertama. Pemimpin amat perlu mempunyai nilai murni dan integriti yang tinggi seperti amanah dan jujur ketika melakukan suatu pekerjaan. Hal seumpama ini akan menjadikan masyarakat setempat akan terpengaruh dengan nilai-nilai yang dipaparkan. Rentetan daripada itu, masyarakat setempat turut berusaha memperkukuhkan lagi amalan nilai murni dan berintegriti. Kesan daripadanya adalah pengukuhan keharmonian sosial dalam era moden ini. Justeru itu, adalah wajar sekiranya ditegaskan bahawa pemimpin mempunyai peranan penting dalam proses pengukuhan keharmonian sosial di Sabah.

Kesimpulan

Berdasarkan hasil kajian kes di Sabah, Malaysia ini maka adalah jelas bahawa peranan pemimpin amat signifikan dalam aspek pembangunan ekonomi dan pengukuhan keharmonian sosial. Kepimpinan yang baik akan menjadi teladan dan sumber inspirasi dalam sesebuah organisasi. Kepimpinan negara perlu menguasai ilmu dan pemikiran yang mantap berasaskan nilai kemanusiaan secara mendalam. Pemimpin perlu berusaha dalam memimpin sebuah organisasi bagi memiliki kemahiran dalam menguruskan aktiviti sosial. Kepimpinan yang baik menentukan hala tuju sesebuah negara maju. Kepimpinan negara menggalas tanggungjawab besar bagi memastikan matlamat dan agenda kepimpinan dapat dilestarikan dalam masyarakat. Dalam pada itu, pengukuhan keharmonian sosial sesebuah negara disumbangkan oleh kepimpinan melalui pengurusan yang baik dalam bidang sosial, ekonomi dan politik. Keharmonian sosial berkait rapat dengan kesamarataan sosial yang dapat ditafsirkan sebagai susunan politik sosial di mana semua orang yang berada dalam masyarakat tertentu. Kepentingan kepimpinan dalam keharmonian sosial mampu menjamin keselamatan mahupun perpaduan rakyat terutama dalam memupuk keharmonian dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum. Malahan, pembangunan ekonomi mampu ditingkatkan melalui sistem kepimpinan yang baik serta bijak dalam merencana dan melaksanakan program pembangunan ekonomi yang dikehendaki masyarakat setempat. Pembangunan ekonomi yang lebih berdaya maju dapat dilakukan dengan persekitaran yang dinamik dan progresif sehingga berlakunya perkembangan dalam teknologi. Oleh itu, kajian ini menggambarkan bahawa peranan pemimpin yang kreatif dan inovatif mampu merealisasikan perubahan dalam sesebuah masyarakat seterusnya mampu meningkatkan pembangunan ekonomi yang lebih pesat.

Penghargaan

Kami mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam proses menyiapkan kertas kerja ini samada secara langsung mahupun secara tidak langsung (Kod Projek: TLS2105; TLS2110).

Rujukan

- Ahmad Tarmizi Abdul Rahman, Romzi Ationg, & Nurul Ain Zulhaimi. (2017). A paradigm shift in understanding mixed method research: A Malaysian perspective. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 9(1), 46-56.
- Ames, H., Glenton, C., & Lewin, S. (2019). Purposive sampling in a qualitative evidence synthesis: a worked example from a synthesis on parental perceptions of vaccination communication. *BMC Med. Res. Methodol.*, 19(26), 2-9.
- Borham Ahmad. (220, Disember 24). *Perlunya pemimpin berwibawa untuk kemakmuran negara*. Malaysia Dateline. <https://malaysiadateline.com/perlunya-pemimpin-berwibawa-untuk-kemakmuran-negara/>
- Buletin Q. (2009). *Konsep Kepimpinan Dalam Islam*. https://www.risda.gov.my/images/pdf/Penerbitan/Dasar_Kualiti/2009/Bil-12-2009/33.pdf.
- Cahyo A. Pambudi. (2021). *Pemimpin dan Kepemimpinan Kita Seksi*. Padang, Indonesia: HI KPKNL
- Doyle, L., Brady, A.M., & Byrne, G. (2009). An overview of mixed methods research. *Journal of Research in Nursing*, 14(2), 175-185.
- Faturahman, B.M. (2018). Kepemimpinan dalam budaya organisasi. *Madani jurnal politik dan sosial kemasyarakatan*, 10(1), 1-11.
- Hirst, P.Q., & Thomsan, G. (1996). *Globalization in Question: The International Economy and the Possibilities of Governance*. Cambridge: Polity Press.
- McKim, C.A. (2017). The value of mixed methods research: A mixed methods study. *Journal of Mixed Methods Research*, 11(2), 202-222.
- Mohammad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mullins, L.J. (2005). *Management and Organizational Behavior*. London: FT Pitman.
- Mumtaz Begam Abd. Kadir, Norzaini Azman, & Mohammed Sani Ibrahim. (2010). Pengaruh integriti kepemimpinan terhadap pelaksanaan pengurusan kualiti menyeluruh di Institusi Pendidikan Tinggi MARA. *Akademika: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan Asia Tenggara*, 78, 67-75.
- Nain, A.S.M., & Yusoff, R. (2003). *Konsep, teori, dimensi dan isu pembangunan*. Johor: Penerbit UTM.
- Nor Salmi A.Z., & Lim Hooi Lian. (n.d.). *Mengkaji Kesahan Inventori Nilai Integriti dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nur Sabrina Mohd Palel, R.I. (2014). *Kesan Kemasukan Buruh Asing ke Atas Produktiviti Buruh Sektor. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9)* (pp. 89-103). Kuala Terengganu: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Prokopenko, J. (1987). *Productivity Management: A Practical Handbook*. Swizerland: International Labour Office.
- Romzi Ationg. (2001). *Keberkesanan Kepimpinan Tempatan dalam Aktiviti Pembangunan Desa di Daerah Kudat, Sabah*. Tesis Master Sains. Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Suradinata, Ermaya. (1995). *Psikologi Kepegawaian dan Peranan Pimpinan Dalam Motivasi Kerja*. Bandung, Indonesia: CV Ramadan.

- Sufean Hussin. (2007). *Inovasi Dasar Pendidikan: Perspektif Sistem dan Organisasi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Tobias Alando. (n,d). *Good Leadership is paramount to the growth of any economy*. Kenya Association of Manufacturers. <https://kam.co.ke/good-leadership-paramount-growth-economy/>.
- Zaini Ujong. (2010). *Budaya Inovasi Prsyarat Model baru Ekonomi*. Johor: Universiti Tekonologi Malaysia.